



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BULETIN INTEGRITI SIRI 1 TAHUN 2019

Apa Yang Ada Di Sebalik

KEJAYAAN

KEGAGALAN

Terbitan: Unit Integriti

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- Mohd Nor bin Ali

PENYELARAS / PENGARANG

- Mohd. Fairuz Azizi bin Abdullah
- Wan Muhamad bin Wan Junoh
- Shahrman bin Ali Pitchay
- Saiful Hisham bin Mansor
- Mohd Noor Fazli bin Mamat
- Ahmad Sabri bin Abdullah
- Mior Amran Noor bin Mior Ahmad Noor
- Juarina binti Hassan
- Ahmad Sabri bin Abdullah
- Siti Salmah binti Md Kassim

TERBITAN

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

S U M B A N G A N K A R Y A

- Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan karya anda ke: kpm.ui@moe.gov.my.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha KPM

Assalamualaikum WBT / Selamat Sejahtera.

Kejayaan dipilih oleh urus setia sebagai tema buletin kali ini. Dengan tema ini ada dua dimensi yang boleh diamati iaitu

“Bagaimanakah kejayaan diukur?” dan **“Bagaimanakah untuk kejayaan dicapai?”**.

Dalam konteks berorganisasi, kejayaan biasanya diukur melalui pencapaian objektif dan sasaran yang ditetapkan. Kualiti kejayaan sering kali juga diukur melalui gred, petunjuk, indeks, markah, penarafan bintang dan sebagainya.

Kejayaan boleh diraih melalui perancangan yang rapi dan usaha yang gigih. Namun setinggi mana jua kejayaan, tidak membawa makna yang hakiki jika dicapai dengan cara yang tidak berintegriti.

Kejayaan yang dicapai dengan roh integriti akan menjadi kejayaan yang diberkati dan dirahmati.

Buletin yang diterbitkan ini adalah siri testimoni kepada kesungguhan dan komitmen kementerian dalam memartabatkan agenda integriti dalam aspek kejayaan bidang pendidikan.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. MOHD GAZALI ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEPUTUSAN SPM 2018

14 Mac 2019 | Tekad Yang Tinggi Realisasikan Cita-cita

Inspirasi dari lensa...

Oleh: Wan Muhamad bin Wan Junoh, UI KPM



TAHNIAH

KUALA LUMPUR - Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Abdul Aziz Jusoh (depan ke-4 dari kiri) bergambar bersama pelajar-pelajar cemerlang Sekolah-sekolah Menengah Agama MAIWP pada Majlis Pengumuman Keputusan SPM 2018 SMA MAIWP.



KUALA LUMPUR - Pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang kelihatan gembira pada Majlis Pengumuman Keputusan SPM 2018 yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.



PUTRAJAYA - Pengetua SAS, Salleh Ismail (tengah) dan Pengerusi Yayasan Amal Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS) Ghazali Bujang bersama 57 pelajar cemerlang dalam semua mata pelajaran.



PUTRAJAYA - (Dari kiri) Aiman Hadi Sharizal, Muhamad Fadzrul kamarudzaman, Aqif Farhan Azmil Farid, Muhammad Zabir Azreen Redzal dan Iman Alimi Mohd Jata gembira ketika diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2018 di SAS.



"Solat tahajud, doa ibu bapa, fokus subjek lemah" - Resipi Che Wan Nadhirah

KUANTAN - Pelajar terbaik SPM Pahang, Che Wan Nadhirah Che Wan Mohd Amil, (depan, tengah) mendapat semua A+ dirai rakan-rakan yang turut mendapat keputusan cemerlang 9A di SMK Abdul Rahman Talib.



KUANTAN - Pelajar cemerlang 9A SMK Abdul Rahman Talib, Muhammad Aiman Fahmi Kasmi, memeluk ibunya ketika keputusan peperiksaan SPM diumumkan.

TAHNIH



SEREMBAN - Sebahagian pelajar dari SM Teknik Tuanku Jaafar, gembira selepas mengambil slip peperiksaan SPM 2018.



JOHOR BAHRU - Pelajar berkongsi kegembiraan ketika mengambil keputusan SPM di PPD Pasir Gudang. Mereka memakai penutup mulut dan hidung berikutan kes pencemaran udara sisa bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim.



KUALA TERENGGANU - Pelajar terbaik Terengganu (dari kiri) Muhammad Hilman Nor Azmi, Amirah Husna Abdul Kahar, Nurin Batrisyia Mohd Azmi, Nur Atiqah Syuhadah Hamdan dan Ahmad Shahir Safwan Ahmad Sabri menunjukkan keputusan SPM yang disampaikan oleh Pengarah JPN, Shafruddin Ali Hussin di SMKA Syekh Abdul Malek.

**Penglihatan mata
cuma 20%**




KUALA TERENGGANU - Keputusan terbaik CBK SPM 2018 Ahmad Shahir Safwan Ahmad Sabri dari SMKA Syekh Abdul Malek. Dia mengalami masalah rabun sejak tingkatan 3 berjaya memperolehi 1 (A+), 4 (A), 3 (B+), 1 (B), 1 (C+), 1 (C).

**"Walaupun saya
kudung, saya ingin
jadi jurutera"** -
Menitis air matanya
ketika mengambil
keputusan SPM



KOTA BHARU - Pelajar OKU, Muhammad Rizdwan Roslan, tidak dapat menahan kegembiraan selepas mendapat keputusan cemerlang dalam SPM 2018 di SMK Pengkalan Chepa 2.

**"Pengurusan
masa kunci
kejayaan".**



KUCHING - Constance Wong Chia Yii, pelajar cemerlang SPM 2018 dari SMK Sungai Maong menunjukkan sijil dan keputusan SPM. Dia adalah di antara 8 pelajar di Sarawak yang mendapat gred A+ dalam semua mata pelajaran.

Daftar Singkatan:

- | | |
|-----------------|--|
| 1. CBK | - Calon Berkeperluan Khas |
| 2. MAIWP | - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| 3. OKU | - Orang Kurang Upaya |
| 4. PPD | - Pejabat Pendidikan Daerah |
| 5. SAS | - Sekolah Alam Shah |
| 6. SM | - Sekolah Menengah |
| 7. SMA | - Sekolah Menengah Agama |
| 8. SMK | - Sekolah Menengah Kebangsaan |
| 9. SMKA | - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| 10. SPM | - Sijil Pelajaran Malaysia |

Sumber / Kredit: <https://www.gpsbestari.com>

BICARA TOKOH

Umar Al-Khattab r.a.

Oleh: Shahrman bin Ali Pitchay, UI KPM

Negara Malaysia yang dicintai tidak sunyi daripada pelbagai isu berkaitan korupsi dan permasalahan salah laku integriti. Sesuatu yang tidak dapat dinafikan apabila kita berurusan, berinteraksi atau berada dalam hal yang melibatkan wang atau harta, telah menuntut kepada sifat amanah yang tinggi kerana risiko terjerumus ke dalam kancah jenayah rasuah dan pelbagai bentuk penyelewengan amat mudah.

Suri Teladan Integriti Dan Kepemimpinan Sepanjang Zaman

JOC

Peluang dan ruang yang ada pasti akan **'menghidangkan' jerat yang bakal memerangkap** seseorang serta sudah tentu **mendatangkan padah yang amat buruk**. Justeru, tidak dapat disangkal bahawa kemantapan integriti dan jati diri bertunjangkan pegangan agama yang kukuh merupakan formula dan senjata yang *'solid'* bagi melindungi seseorang. Apabila kita menelusuri sejarah Islam, salah seorang ikon besar yang berkharisma dan memiliki sifat integriti yang tinggi hasil didikan dan asuhan baginda Rasul SAW adalah:

Umar Al-Khattab رضي الله عنه

Beliau merupakan di antara sahabat yang paling menonjol dalam **mengangkat agenda integriti ketika era pemerintahannya**. Ketokohan beliau terserlah terutama ketika menerajui pemerintahan negara sebagai Amirul Mukminin (Khalifah) yang ke-2 selama 10 tahun 6 bulan (13H – 23H / 634M – 644M).

Meletakkan Ketinggian Nilai Integriti Diri, Ahli Keluarga Serta Pegawai Bawahan.

Anak Umar iaitu Abdullah telah membeli beberapa ekor unta yang kurus pada harga yang rendah. Kemudian unta-unta ini dihantar ke padang ragut milik negara untuk diberi makan dan akhirnya unta-unta tersebut menjadi sihat dan gemuk. Apabila hal ini sampai ke pengetahuan Umar, arahan telah dikeluarkan supaya unta-unta tersebut dijual dan keuntungan dimasukkan ke dalam Baitulmal (Perbendaharaan Negara) kerana dengan alasan unta-unta tadi telah makan di padang ragut milik negara.

Hal yang sama pernah berlaku kepada isteri beliau iaitu Ummu Kalthum yang membeli pewangi yang berharga satu dirham untuk dihadiahkan kepada Maharani Byzantin. Sebagai balasan, Maharani tersebut memberi batu permata yang diisi ke dalam bekas pewangi yang dihadiahkan isteri Umar kepadanya tadi. Apabila Umar mengetahui perkara ini, beliau telah menjual batu-batu permata tadi dan hasil jualanannya dimasukkan ke dalam perbendaharaan negara. Hanya satu dirham sahaja yang diberikan kepada isterinya.

Memelihara Kemaslahatan Serta Kebajikan Rakyat.

Di waktu malam Umar keluar bersama pembantu bernama Aslam untuk meninjau kehidupan rakyat. Sampai di satu kawasan, beliau ternampak cahaya api di tengah kegelapan malam yang sejuk. Mereka pun mendekati kawasan tersebut kelihatan seorang ibu sedang memasak sesuatu, manakala anaknya pula menangis.

Umar memberi salam dan meminta izin: *"Boleh aku datang dekat?"*. *"Datanglah dengan kebaikan atau tinggalkan sahaja kami di sini"*, jawab si ibu tersebut. Umar bertanya: *"Bagaimana keadaan kamu semua?"*. *"Kami sedang menghadapi waktu malam dan kesejukan"*, balas si ibu. *"Mengapa anakmu menangis?"*, tanya Umar. *"Mereka lapar"*, ibu menjawab. *"Apa yang kamu sedang masak?"*, Umar terus mendapatkan kepastian. *"Hanyalah air yang aku kacau-kacau sehinggalah anakku keletihan dan terus tidur dan demi Allah SWT apa yang ada di antara kami dan Umar"*, ibu memberi jawapan sedih.

Dalam kegelapan malam, si ibu tidak perasan lelaki yang bercakap dengannya adalah Umar Al-Khattab, malahan si ibu tadi tidak mengenali Umar dan hanya sekadar mendengar nama. "Semoga Allah mengasihanimu. Adakah Umar tidak mengetahui keadaan kamu semua?"; Umar bertanya. "Dia memerintah urusan kami kemudian mengabaikan kami begitu sahaja", jawapan si ibu itu sungguh menyentak perasaan seorang Khalifah Umar Al-Khattab.

Umar terus mengajak Aslam pulang. Umar ingin mengambil bekalan makanan untuk dibawa kepada wanita tadi. Umar berkata kepada Aslam: "Tolong angkat dan letakkan di atas bahuku, biarlah aku memikulnya". Oleh kerana Aslam tidak sampai hati membiarkan seorang Kalifah menanggung beban tersebut ditambah pula jarak perjalanan ke tempat si ibu itu agak jauh. Aslam telah meminta untuk memikul bekalan makanan tersebut. Kemudian, dengan tegas Umar membalas: "**Adakah engkau mahu menanggung dosaku pada Hari Kiamat nanti?**". Aslam terpaku, dan akur mendengar pertanyaan Umar. Maka, berjalanlah Khalifah dan pembantunya membelah gelap malam dalam kesejukan sambil memikul seguni gandum bagi memenuhi keperluan rakyatnya.

Walaupun yang sedang menanggung keperitan itu hanyalah keluarga wanita yang tidak mempunyai kedudukan apa-apa, tidak dapat menjanjikan apa-apa habuan. Umar lakukan semua itu hanya semata-mata kerana menyedari dengan penuh keinsafan bahawa setiap gerak lakunya nanti akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Tanpa bertemankan pengiring yang ramai, tanpa liputan media massa apatah lagi majlis sambutan besar-besaran, Khalifah Umar tetap tegar berjalan demi menyantuni nasib seorang rakyat yang bergelut dengan keperitan hidup. Umar bersama Aslam tidak hanya menghantar bekalan makanan tersebut kepada si ibu berkenaan, bahkan Umar sendiri yang menghidupkan api dan memasak untuk keluarga si ibu tersebut. Setelah siap memasak, Umar memberikan makanan tersebut kepada si ibu untuk dihidangkan kepada anak-anaknya.

Tersentuh dengan tindakan Umar, si ibu yang belum menyedari itu adalah Khalifah terus berkata: "Semoga Allah SWT membalas kebaikan engkau, apa yang telah engkau lakukan ini lebih utama daripada Amir Al-Mukminun".

*“Jangan melupakan diri sendiri
saat menyampaikan nasihat
kepada orang lain”.*

- Umar Al-Khattab r.a.

*“Terkadang, orang dengan masa
lalu paling kelam akan
menciptakan masa depan yang
paling cerah”.*

- Umar Al-Khattab r.a.

Umar membalas: "Ucapkanlah yang baik-baik dan sekiranya engkau bertemu dengan Amir Al-Mukminin, engkau akan dapati aku juga di sana, ان شاء الله". Kemudian Umar dan Aslam berpaling dan mula untuk beredar. Aslam bertanya kepada Umar: "Apakah engkau ada urusan lain selain daripada ini?". Umar berdiam tidak bercakap sehinggalah beliau mendapati anak-anak tadi kenyang dan dapat tidur dengan tenang. Lalu Umar berkata: "Wahai Aslam, sesungguhnya kelaparan telah membuatkan mereka berjaga malam tidak dapat tidur dan menangis. Aku tidak akan beredar sehinggalah aku dapat melihat apa yang telah aku lihat tadi". (Tarikh Al-Tabari, 4/205, Beirut: Dar al Fikr).

Berjiwa Rakyat.

Pada tahun 17 dan 18 Hijrah, Madinah dilanda kemarau, kehidupan rakyat susah dan bekalan makanan berkurangan di pasar. Ibn Jarir Al-Tabari meriwayatkan bahawa pada tahun berkenaan Umar tidak memakan lemak haiwan, susu dan daging sehingga rakyat dapat memakannya.

Suatu hari, pekerjaanya membeli lemak dan susu dengan harga yang tinggi. Umar menolak untuk makan, katanya: "**Engkau menyebabkan lemak dan susu jadi mahal, sedekahkan keduanya, aku bencikan pembaziran. Bagaimana aku dapat memahami keadaan rakyat jika tidak menimpaku apa yang menimpai mereka?**". (Tarikh Al-Tabari, 2/358, Beirut: Dar Al-Fikr).

Turut diriwayatkan, suatu hari pada tahun berkenaan disembelih unta lalu dimasak dan dibahagikan kepada orang ramai. Lalu divedok masakan itu untuk dihidangkan kepada Umar. Tiba-tiba yang divedok itu bahagian belakang unta dan hatinya. Lalu Umar bertanya: "Dari mana diperoleh ini?". "Daripada unta yang kita sembelih hari ini". Kata Umar: "**Oh! Alangkah buruknya aku ini sebagai pemimpin, jika aku memakan bahagiannya yang baik lalu aku berikan rakyat makan sisa**". (Ibn Sa'd, Al-Tabaqat Al-Kubra, 3/312, Beirut: Dar Sadir).

Sangat Prihatin.

Dinukilkan oleh Al-Sallabi melalui karyanya “Umar ibn Al-Khattab; *Shakhsiyyatuhu wa ‘asruhu*” wajar kita renungi bersama. Umar pernah berkata kepada dirinya sendiri: “*Jikalau seekor anak kambing mati di pinggir sungai Furat (kerana kehausan akibat gagal sampai ke Sungai Furat), sudah tentu aku takut Allah SWT akan menghisab Umar kerana perkara tersebut*”. Begitu sekali kebimbangan yang menyelimuti fikiran seorang pemimpin, bukan hanya prihatin terhadap nasib rakyat, bahkan juga kepada haiwan.

Ini hanyalah secebis kisah kegemilangan di era pemerintahan Umar Al-Khattab r.a. Seorang pemimpin yang *walk the talk* dan *leading by example*.

Ketegasan, amanah dan sifat warak yang sehati dalam diri beliau tiada tolok bandingnya. Sentiasa memastikan pemerintahannya, gabenor serta pegawainya berupaya melaksanakan tadbir urus negara bukan hanya selaras dengan tuntutan Al-Quran dan pesanan Baginda Rasul SAW, malah berjaya menjamin keadilan sosial ditegakkan demi kesejahteraan rakyat.

Beliau telah diiktiraf Al-Quran sebagai salah seorang yang termasuk dalam kelompok para sahabat (Muhajirin) yang dijamin Syurga ketika masih hidup lagi (lihat QS At-Taubah:100). Demikianlah **Umar Al-Khattab Suri Teladan Integriti dan Kepemimpinan Sepanjang Zaman.**

Sekian.

ANTARA PEMBAHARUAN OLEH



Pembaharuan Bidang Pentadbiran.

- ✓ Mengemas kini Majlis Syura.
- ✓ Membahagikan Wilayah-wilayah Islam.
- ✓ Memisahkan kuasa kehakiman daripada kuasa pentadbiran.
- ✓ Memperbaharui undang-undang pentadbiran tanah dan ketenteraan.

Pembaharuan Bidang Ekonomi.

- ✓ Mengemas kini pengurusan Baitulmal.
- ✓ Mengagihkan pendapatan kepada rakyat dan negara mengikut kehendak Islam.
- ✓ Syarat-syarat yang menyusahkan rakyat dan tidak adil dihapuskan.

Pembaharuan Bidang Sosial.

- ✓ Polisi baru untuk golongan Dzimmi. Taraf dan hak awam diberikan sama rata seperti apa yang dinikmati oleh orang Islam.
- ✓ Kedudukan hamba diberikan hak kepentingan sosial dan taraf yang baik, tidak lagi dihina dan ditindas, boleh hidup bebas seperti orang awam, kecuali bagi orang-orang yang benar-benar menentang Islam dalam peperangan. Pegawai yang tidak menghormati dan menjaga kebajikan hamba akan dikenakan tindakan.

Pembaharuan Bidang Keilmuan Dan Pendidikan.

- ✓ Menyediakan guru-guru bagi mengajar dan menggalakkan pelbagai kegiatan ilmu berhubung bidang keilmuan ke serata tempat.

Memajukan Aktiviti Dalam Bidang Pertanian.

- ✓ Mewujudkan terusan dan membuat kajian tanah bagi menempatkan tanam-tanaman yang bermutu.



*“Jadilah orang yang bermartabat,
jujur dan penuh kebenaran”.*

- Umar Al-Khattab r.a.

MEMAKNAI MASA KEHIDUPAN

Oleh: Wan Muhamad bin Wan Junoh, UI KPM

Hari silih berganti, minggu berganti minggu, bulan berganti bulan, tahun meninggalkan tahun. Itulah peredaran masa berjalan meninggalkan manusia, yang mana manusia tidak akan dapat mengambil kembali atau merasai semula masa yang telah berlalu walaupun satu saat.

Tanda Kehebatan Dan Kebesaran.

Ini adalah di antara tanda kehebatan dan kebesaran Maha Suci Tuhan Allah عَزَّ وَجَلَّ

Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir. - QS Ar-Ra'd 13: 3.



Allah SWT adalah pencipta kepada sistem masa dan meletakkan manusia di dalamnya. Manusia terikat dengan masa. Kita dilahirkan, dan membesar. Hari ke hari kehidupan kita akan berubah. Jika hari ini seseorang itu digelar kanak-kanak, mungkin 20 tahun lagi gelaran itu sudah tidak lagi sah kepadanya. Pada bilah-bilah masa yang datang dan pergi, manusia yang muda sudah tentu akan menjadi tua, yang miskin mungkin boleh menjadi kaya atau yang kaya tidak mustahil untuk menjadi papa kedana.

Manusia Yang Kerugian.

Masa berjalan begitu pantas tanpa disangka-sangka, dan kepantasan itu telah menyebabkan ramai dalam kalangan manusia yang akan berada di dalam kerugian.

"Bulan lepas telah berlalu".

"Kita akan menyambut tahun baharu".

"Sudah 30 tahun masa berlalu".

Begitulah di antara ucapan-ucapan yang selalu kita dengar sama ada dalam kalangan ahli keluarga, saudara mara, rakan taulan dan juga tidak ketinggalan tanpa kita sedari kita juga sering menyebutnya.

Adakah kita sedar tentang hakikat masa dan makna sebenar kehidupan ini? Allah SWT telah mengingatkan dan memberi amaran kepada seluruh umat manusia tentang hakikat masa dengan bersumpah bahawa:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. - QS Al-'Asr 103:1-3

Tuhan Sayang Pada Kita.

Allah SWT menjadikan masa-masa tertentu, hari-hari tertentu, bulan-bulan tertentu, tempat-tempat tertentu, yang ada kelebihan-kelebihannya tertentu. Contohnya, Allah SWT menjadikan masa dhuha dengan kelebihan yang tidak ada pada masa lain untuk Solat Sunat Dhuha. Allah SWT menjadikan Bulan Ramadan, di mana bulan tersebut dikenali sebagai bulan yang penuh keberkatan dan kebaikan, hinggakan terdapat satu malam pada Bulan Ramadan yang diberi kelebihan dan kebaikan melebihi seribu bulan.

Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. - QS Al-Qadr 97:3

Tujuan Allah SWT menjadikan semua ini adalah untuk memberi kebaikan kepada manusia dan supaya manusia berpeluang melakukan kebaikan (mendapat pahala) dalam memenuhi maksud sebenar yang Tuhan inginkan daripada manusia. Allah SWT menginginkan manusia melakukan kebaikan dan mengurangkan dosa.



Ingatlah bahawa sesungguhnya “setiap yang bernyawa pasti akan mati”.

Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada Hari Kiamat sahalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya. - QS Ali Imran 3:185

Semua daripada kita pasti akan merasai kematian walaupun kita setuju atau pun tidak. Allah SWT mahu semua manusia ketika kembali kepada-Nya dalam keadaan diri mempunyai lebih banyak pahala berbanding dosa.

Dia mahu manusia masuk ke dalam Syurga-Nya, iaitu tempat asal manusia. Dia tidak mahu manusia masuk ke dalam Neraka-Nya. Oleh sebab itu, Dia mengutuskan para nabi dan rasul untuk mengajak seluruh umat manusia mengenali Tuhan Yang Maha Esa, mengikut segala arahan dan meninggalkan segala arahan-Nya. Dia memberikan kepada manusia masa-masa tertentu untuk beribadah dengan ibadah yang tertentu supaya kita dekat dengan-Nya.

Allah SWT Yang Maha Pengasih dan lagi Maha Penyayang telah membuka pintu-pintu keampunan kepada semua hamba-Nya yang berbuat dosa tidak kira di waktu siang atau malam. Dia mahu kita memohon ampun kepada-Nya iaitu bertaubat dengan sebenar-benar taubat. Sedarlah bahawa kita adalah pendosa.

Kejayaan Sebenar.

Kemuncak kehebatan manusia tidak kekal. Jika hari ini dia dilihat atau dilabel sebagai yang paling hebat, paling pintar, paling berkuasa. Mungkin beberapa tahun berikutnya, kehebatan, kepintaran dan kekuasaan tersebut tidak lagi bersamanya. Ini adalah kerana semuanya itu pasti akan ditinggalkan buat selamalamanya. Cuma saat, waktu dan bagaimana itu yang akan tetap menjadi rahsia Tuhan Yang Maha Berkuasa.

Firaun telah membina empayar yang sangat hebat sehingga dikenali sepanjang sejarah dunia hingga ke hari ini. Semua itu dilakukan hanya semata-mata inginkan kekuasaan dan kejayaan. Namun begitu, Firaun juga telah meninggalkan semua itu.

Maharaja-maharaja yang hebat, tokoh-tokoh yang hebat, cendekiawan-cendekiawan yang hebat, mahu pun sesiapa sahaja, pasti akan merasai mati. Kesemua daripada kita akan menemui Allah **عَزَّ وَجَلَّ**

Jika hari ini kita mungkin:

- berbuat baik tetapi dibalas dengan kejahatan;
- berbuat jahat tetapi orang menyangka kita baik;
- boleh berbohong dan orang akan percaya;
- bebas menipu, menindas dan hidup kaya raya; atau
- tidak ikhlas melakukan sesuatu perkara tetapi orang memandang kita dengan penuh keikhlasan.

Keadaan-keadaan seperti ini sangat biasa bagi kehidupan dunia. Hanya sebenar-benar pembalasan adalah pada Hari Akhirat.

Hakikat kepada kejayaan yang sebenar di sisi Tuhan adalah;

“Sesiapa yang selamat daripada api Neraka, dan masuk Syurga, maka dia benar-benar telah berjaya”.

Ini adalah hakikat yang selalu kita terlupa kerana sering tertipu dan ditipu oleh perhiasan yang menipu.

Di dunia ini, sudah tentu tidak menjadi kesalahan untuk kita menerima dan memberi pelbagai gelaran “berjaya”. Banyak pengiktirafan, gelaran dan jawatan yang ada, nama kemasyhuran yang ada diberikan oleh manusia. Seseorang boleh menduduki kemuncak kehebatan di dunia. Namun perlu diingat, kemudian semuanya itu akan berakhir.

Segala Nikmat Ditinggalkan.

Manusia akan meninggalkan segala nikmat yang dikurniakan Tuhan di dunia ini. Segala harta akan bertukar nama, segala jawatan dan kebesaran akan ditinggalkan, segala kuasa tidak berguna lagi kerana segala-galanya akan ditinggalkan. Kita akan menemui Tuhan secara bersendirian sebagaimana pada hari kita diciptakan. Hanya yang ada bersama-sama kita adalah amalan yang kita lakukan. Jika ada amalan, maka adalah amalan untuk kita atau jika tiada amalan, maka tiadalah amalan untuk kita. Jika baik, maka baiklah, dan jika buruk, maka buruklah amalan yang ada pada kita.

Demikianlah masa yang berganti-ganti, hari demi hari telah pergi. Kita juga tetap akan pergi. Siapa pun kita, di mana pun kita, bagaimana pun kita, sihat, sakit, kaya, miskin, pemerintah, diperintah, ditindas, menindas, hitam atau pun putih, kesudahan hidup ini adalah sama iaitu kita akan meninggalkan dunia ini.

Justeru, marilah kita semua sama-sama berusaha dan selalu ingat mengingati. Di kesempatan yang masih berbaki ini, marilah berusaha bersungguh-sungguh dengan kadar yang kita mampu **memaknai masa kehidupan** ini sebelum kita dijemput untuk bertemu dengan Allah **رَبِّ الْعَالَمِينَ**

Sekian.



BUKAN GAGAL APABILA KALAH

Oleh: Wan Muhamad bin Wan Junoh, UI KPM

“

*Yang Bulat Tidak Datang Bergolek,
Yang Pipih Tidak Datang Melayang”.*

Indahnya peribahasa yang memberi kiasan makna yang sangat mendalam. Jika inginkan sesuatu, maka wajib bagi seseorang itu sedar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya. Semasa dalam proses berusaha, tentulah usaha itu tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai rintangan yang sering dinamakan mengikut keadaan. Ada yang dikenali sebagai cabaran, ujian atau kegagalan dan ada juga yang menyebut bertimbun-timbun dugaan. Tanpa semangat yang kuat, jiwa yang kental, kesabaran yang tinggi, sudah tentu usaha itu akan kecundang di dalam perjalanan.

Justeru, ambillah iktibar dengan kata-kata bahawa **"di mana ada kemahuan, di situ ada jalan"**. Usaha yang bersungguh-sungguh, disulami dengan doa serta tawakal, mudah-mudahan kejayaan akan menjelang.

“Jika takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai, jika takut dengan tewas atau kegagalan, jangan bercakap tentang kejayaan”.

“Setiap sesuatu kejadian itu pasti ada hikmatnya”. Sebagai manusia yang sangat lemah kudratnya, “berjaya” atau “gagal” bukanlah kata putus bagi mengatur langkah meneruskan kehidupan di dunia.

“Sesuatu kejayaan bukan pencapaian yang perlu disombongi atau dilalaikan, dan kegagalan itu bukanlah titik noktah kepada semua cita-cita impian”.

Sebelum terlalai terlajak jauh dengan berbangga kerana menganggap dan dianggap berjaya, atau berputus asa kerana kecewa disebabkan rasa diri atau hidup ini tidak bermakna. Marilah kita menghayati dengan menghalusi makna firman Tuhan yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi. - QS Al-Munaafiqun 63:9

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? - QS Al-Ankabuut 29:2

Ingatlah, “Kita Sebenarnya Bukan Gagal Apabila Kalah, Tetapi Kita Gagal Apabila Menyerah Kalah”.

Apabila kita ditakdirkan berjaya, berusaha untuk bersyukur, kerana beruntunglah orang-orang yang diberi kejayaan bersama-sama kesyukuran.

Sekian.

AMALAN

INTEGRITI

TEKNOLOGI

HIJAU

“Segala kenikmatan alam sekitar yang kita nikmati hari ini adalah merupakan hak milik generasi yang akan datang”.

Oleh: Mior Amran Noor bin Mior Ahmad Noor

Pernahkah kita berfikir sejenak bahawa segala nikmat alam sekitar yang kita miliki dewasa ini merupakan hak milik generasi yang seterusnya? Tanpa kita sedari, dalam mengejar arus pembangunan dan kemodenan teknologi mutakhir ini, banyak perkara berkaitan alam sekitar terpaksa kita korbakan demi mencapai matlamat yang diinginkan.

Sekiranya pada masa yang lampau, keadaan udara yang nyaman dan persekitaran yang hijau dapat dilihat di bandar-bandar utama Malaysia, namun dewasa ini keadaan seumpama itu sudah tidak dapat lagi dinikmati dengan sepenuhnya. Demi pembangunan yang ingin dikecapi oleh setiap penduduk Malaysia, pelbagai persekitaran terpaksa dikorbankan di antaranya melibatkan penebangan pokok secara berleluasa, pencemaran kepada sistem pengaliran sungai dan penarahan bukit bukau yang giat dilakukan oleh pemaju.

Teknologi Hijau adalah satu teknologi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu alternatif yang dapat diaplikasikan tanpa mengabaikan faktor penjagaan alam sekitar. Teknologi ini diwujudkan bagi memastikan pembangunan dapat dijalankan di samping memastikan kelestarian persekitaran sedia ada terpelihara. Teknologi hijau bermaksud pembinaan bangunan yang mempraktikkan kepentingan alam semula jadi bermula dari lakaran pembinaan, operasi, selenggara sehingga peringkat pengubahsuaian.

Tujuan utama teknologi ini dibangunkan adalah demi **meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia akibat daripada kepesatan pembangunan.** Keseluruhannya, Teknologi Hijau ini perlu **diaplikasikan bersepadu dengan sikap integriti setiap lapisan masyarakat agar kesan secara holistik** dapat dizahirkan pada generasi akan datang.

Oleh hal yang demikian, sedikit sumbangan yang mampu kita berikan sebagai warga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan amalan integriti teknologi hijau ini adalah daripada sudut pendidikan iaitu menerapkan kesedaran terhadap generasi seterusnya. Setiap ilmu yang dicurahkan secara formal atau pun konvensional terutama di sektor pembinaan dan penyenggaraan perlu diperhalusi dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Penulis mencadangkan agar segala bahan, keperluan pembinaan, prasarana dan akta-akta yang ingin diguna pakai adalah daripada sumber yang mesra alam dan kecekapan penggunaan tenaga. Segala sumber ini akan menjadi sia-sia seandainya budaya integriti dipandang enteng oleh sesetengah pihak.

Sekiranya budaya integriti ini diperkasakan di dalam teknologi hijau, pelbagai manfaat dapat dirasakan oleh rakyat, sebagai contoh jika sesuatu bangunan ingin diberi nafas baharu daripada nilai estetikanya oleh pihak Kerajaan, maka setiap **individu yang telah dipertanggungjawabkan perlulah memastikan bahawa setiap isu etika dan nilai murni yang tinggi tidak dimanipulasikan demi kepentingan diri.** Hal ini, perlu bermula seawal peringkat perancangan sehinggalah ke peringkat mengaplikasikan cat daripada bahan yang mesra alam dan selamat digunakan.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa kos permulaan untuk proses ini adalah tinggi, namun begitu pulangan yang akan diperolehi oleh pengguna amat tinggi. Aspek keuntungan ini bukan sahaja dinilai dari segi wang ringgit malah ia menjamin kegunaan, keselamatan dan kesihatan penghuni itu sendiri.

Sebagai warga pendidik pula, sedikit sumbangan yang dapat kita lakukan adalah dengan melakukan perkongsian ilmu dan memberi contoh yang baik melalui amalan integriti Teknologi Hijau dengan melakukan perkongsian kereta ataupun amalan menaiki basikal ke tempat kerja. Seperti mana yang diketahui umum, kenderaan mengeluarkan gas rumah hijau dan menggunakan petrol sebagai bahan bakar. Pengeluaran gas hijau dan pembakaran petrol sebagai bahan bakar utama menyebabkan pencemaran alam sekitar dan menjejaskan kesihatan. Oleh itu, sedikit sumbangan ini secara tidak langsung akan mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar seraya membantu menjamin kualiti hidup yang jauh lebih baik.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar setiap warga pendidik dapat memperkasakan penggunaan sumber tenaga elektrik dan air secara integriti, berhemah dan optimum.

Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan pemanasan global yang sedang melanda kehidupan kita di abad ini. Penulis juga ingin menyarankan agar amalan kitar semula bahan-bahan seperti kertas, tin minuman dan botol kaca dapat dipertingkatkan. Akhir kata, penulis berharap amalan integriti Teknologi Hijau ini dapat direformasi bersama-sama agar kelestarian alam sekitar yang dipinjamkan oleh generasi seterusnya dapat dinikmati seadilnya. Sedikit perubahan yang kita lakukan pada hari ini akan menjamin kesinambungan kehidupan untuk generasi yang akan datang.

Penulis:
Mior Amran Noor bin Mior Ahmad Noor
Bahagian Pendaftaran dan Piawai
Jabatan Pendidikan Tinggi



BICARA ALAM TENTANG INTEGRITI

Oleh: Saiful Hisham bin Mansor

Andai alam bisa berbicara,
(atau mungkin manusia yang tidak memahami bahasa alam),
Saat ini bahkan selamanya,
Bima Sakti tanpa gagal berputar,
Tidak pernah menyalahi atur gerak orbit,
Bulan bintang planet tetap pada orbit tanpa serong walau seping,
Patuh pada ketetapan arahan tanpa persoalan,
Kerna hanya sedikit lajakan atau lewat gerak orbit,
Nescaya akan melebur atau membeku alam jagat ini,
Itu lah integriti kami yang terpenting,

Bukit gunung bertingkah,
Bahawa kami digelar manusia bukit gunung botak,
Tanpa rela,
Kami digondolkan semanya demi keuntungan berganda,
Tanpa belas,
Tidak bersisa segala pokok bersekali akar berhamburan,
Lantas tika bencana muncul,
Bukit gunung botak dijadikan punca,
Bukankah manusia yang tiada integriti mentadbir alam,

Sungai mengalir lesu,
Sarat dengan sampah dan sisa kebobrokan manusia,
Aliran air asalnya menerbitkan cahaya tenaga letrik,
Kini berhempas pulas demi kelangsungan fungsi,
Tuk kesejahteraan manusia juga,
Andai berlaku limpahan sungai,
Maka dikatakan sungai tersumbat penyebabnya,
Wahai..
Di manakah integriti manusia melestari sungai,

Sayup-sayup bersahutan suara keluhan,
Penglihatan terhalang, tekak meloya, urusan keuntungan terbantut,
Nah.. udara pekat bertebaran habuk,
Bahang panas merimaskan, busuk penjuru alam,
Jerebu katanya, udara kotor rupanya,
Tiadakah aturan menjaga udara alam,
Bukan tiada aturan tetapi tiada integriti manusia memikulnya,

Manusia cuba menepis kesan kelakuan kaumnya,
Alasan demi alasan menghalalkan perangai tidak berintegriti,
Bukan semua manusia tiada integriti,
Bahkan manusia pun tidak rela hidup tanpa integriti,
Lantas yang menongkah resam akan dihukum,
Masakan manusia tidak tahu,
Pincang integriti manusia, alam bakal pupus,

Persoalan tak berkesudahan..
Di mana integriti manusia,
Melaksana amanah yang Esa,
Mentadbir alam sesuka hati sumberono,
Kelak integriti mentadbir akal fikiran,
Akan diperiksa oleh yang Esa,

Masih lagikah mencampak integriti kesamping,
Tiada malu kah pada alam yang tiada akal,
Tetapi tekal berkhidmat kepada manusia,
Manusia.. berpadulah dengan landasan integriti,
Agar alam bisa tersenyum melihat manusia ketawa.

Nukilan:
Saiful Hisham bin Mansor
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia



Puisi

Surat UNTUK APU

Oleh: Siti Salmah binti Md Kassim

Lelaki sawo matang, berkumis manis,
Berdarah Melayu-Siam-Sinhalese,
Sejak mula ku celikkan mata mengenal tangis,
Itulah wajah yang menjadi bidan dan menyambutku ke dunia,
Cukup dengan rencah,
Tegas, kelakar, penyayang dan amanah,

Akur dengan pilihan keluarga,
Beristerikan wanita berdarah Melayu-Siam juga,
Punya cabang daripada sebelah ibunda,
Penyabar dan beriman,
Anak-anak dibuaikan dengan alunan Quran,
Muqaddam dihadap wajib setiap orang,
Sesudah Maghrib berkumandang azan,

Alhamdulillah Ya Allah,
Kudrat Apu tak perlu disanggah,
Membawa balik makanan ke rumah,
Memberi yuran pendidikan sekolah,
Menjamin selesa tempat berteduh
Panas dan hujan membasah,
Biar tak mewah tapi cukup buat kami riuh-rendah,
Biarpun penuh sederhana kecukupan, namun integritinya nafi tak pernah,

Tersingkap 46 tahun,
Lengkap jumlah jemari di tangan kami dibesarkan,
Berkat rezeki dan reda Ilahi,
Bersama Apu sebagai tulang belakang,
Kesemua kami bertukar jadi manusia sekarang,
Masing-masing punya cerah masa depan,
Alhamdulillah berkali-kali Apu lafazkan,

Detik bertukar dekad,
Dia dimamah usia dan masa,
Sesekali terhincut kaki dek kebas duduk bersila,
Dah tua katanya,
Memakai kaca mata waktu membaca,
Dah tua katanya,
Disua telinga ke muka membalas bicara,
Dah tua katanya,
Akur dia dengan makhluk masa,
Senyumannya penuh rela,

Terima kasih Ya Allah Ya Rabbul 'Izzat,
Apa lagi yang dapat ku panjat,
Selain ku utuskan sebuah surat,
Di dalamnya ku semat doa penuh hormat,
Buat Apu yang ku sanjung amat,
Moga kau sentiasa dalam rahmat,
Kuat dan bertabah demi sebuah empayar hebat.

Sekian,
Ikhlas daripada anak mu buat insan yang ku panggil Apu.

Karya:
Siti Salmah binti Md Kassim
Pasukan Petugas ICT
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Gurindam ORANG BERINTEGRITI

*Orang berintegriti orangnya patuh,
Disiplin diri sangatlah teguh.*

*Orang berintegriti tepati masa,
Sentiasa peka setiap perkara.*

*Orang berintegriti kerja bermutu,
Terus berusaha tanpalah jemu.*

*Orang berintegriti ramah dan mesra,
Sopan santun tiap tutur bicara.*

*Orang berintegriti amat hormati,
Bekerjasama dan tahu menghargai.*

*Orang berintegriti percaya diri,
Perbaiki diri setiap hari.*

*Orang berintegriti tetap berjiwa,
Berpegang pada ajaran agama.*

Karya:
Juarina binti Hassan
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
Negeri Sembilan

INTEGRITI KERJA

Hati nan runsing rindu menanggung,
Bunyi Kenari penghibur hati,
Budaya asing diagung-agung,
Kerja sendiri harus ditaati,

Jatuh ke tanah di tepi rumah,
Bunyi Sang unggas di pohon jati,
Jujur amanah cekap berhemah,
Laksana tugas sepenuh hati,

Datang bertemu duduk berbisik,
Bawah cemara tepi jejawi,
Jati dirimu jangan terusik,
Demi negara tanah pertiwi,

Tumbuhnya kulat di pohon ara,
Ara bergetah usah peduli,
Negara berdaulat rakyat sejahtera,
Ingkar perintah jangan sekali,

Jalan dititi sambil ketawa,
Duduk di bangku jalan bertiga,
Mengaku sehat utuh sejiwa,
Baik perilaku kerja terjaga,

Tidur sebantul udah biasa,
Sambil bersembang hingga ke larut,
Jiwamu kental peribadi bangsa,
Pengaruh sumbang jangan diturut,

Terbang terkukur di dahan patah,
Ke tanah jawa hinggap di titi,
Usah diakur ingkar perintah,
Utuh di jiwa pegangan di hati,

Jemur jerami sambal berangan,
Menanam padi di waktu petang,
Tugas rasmi disisih jangan,
Kepentingan peribadi usah ditatang.

Nukilan:
Ahmad Sabri bin Abdullah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

Benih INTEGRITI

Integriti,

Lambang peribadi,
Cerminan institusi,
Tegaknya berdiri berpaksi janji,
Menongkah duri merencana misi,
Melata tidak dipijak,
Meninggi tidakkan bongkak.


Laksana teguhnya pohon,
Bukan kerana besarnya merimbun,
Tetapi..
Kukuhnya tunjang kemas mencengkam,
Pasak bumi berakar umbi,
Tidakkan gentar ribut halilintar,
Datang menggoncang,
Bahkan taufan berderu kencang,
Tidakkan goyang,

Rapuhnya diri,
Bererti ampuhnya pekerti,
Bagaikan besi dimamah karat,
Dilentur bengkok,
Dijual tiada berharga,

Ayuh..
Suburkan jagat raya ini dengan nilai kebersamaan,
Nilai kemanusiaan dan ketamadunan,
Saling menghargai juga menyayangi,
Menyemai benih-benih insani,
Biar dilontar ke langit menjadi kejora,
Direndam ke laut bertukar mutiara,
Di gurun sahara,
Melakar fatamorgana bercahaya.

Tulisan:

Mohd Noor Fazli bin Mamat
Bahagian Pembangunan Mahasiswa
Jabatan Pendidikan Tinggi



Orang Yang Banyak Memerhati
Lebih Banyak Berfikir Untuk Setiap
Perbuatan. Orang Yang Banyak
Berkata-Kata Lebih Banyak Mentafsir
Dengan Melihat Perbuatan.

Terapi MINDA

Kata-kata Cerminan Keperibadian.
Setiap Kata-kata Perlu
Menterjemahkan Apa Yang
Difikirkan, Perlu Mempamerkan
Kejujuran Melalui Tindakan.

Apa Juga Keadaan Kita Pada Hari Ini
Tidak Bermakna Esok Pun Kita
Begitu Juga. Usaha Yang Gigih
Menyuntik Jati Diri. Hasilnya Pasti
Manis Juga.

Ada Kalanya Kita Perlu Menjadi
Orang Lain Bukan Untuk
Mementingkan Diri Sendiri Tetapi
Mendidik Diri Untuk Keluar Dari
Kepompong Diri Sendiri.



Oleh: Ahmad Sabri bin Abdullah
Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia